

5) PROJEK TERBENGKALAI

Adun : Y.B. Tuan Mohd Kamri Bin Kamaruddin (Bukit Antarabangsa)

Kategori : Bertulis

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri mengenai projek terbengkalai di Jalan Wangsa 9 Bukit Antarabangsa?**

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada maklum balas daripada Jabatan Bangunan, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, semakan ke atas Rancangan Tempatan (RT) MPAJ No Warta 540 telah diwartakan pada 06 Februari 2025. Kawasan tersebut sebagai kawasan lapang dan tidak boleh dibangunkan kerana terdapat bantahan penduduk.

- b) Nyatakan pemilik hartanah terkini.**

Status tanah tersebut adalah Tanah Kerajaan.

- c) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk meroboh?**

Memandangkan kawasan tersebut telah diwartakan sebagai kawasan lapang, Kerajaan Negeri buat masa ini tiada rancangan untuk merobohkan bangunan tersebut kerana ianya melibatkan kos perobohan bangunan tersebut yang tinggi.